

TUDM JUARA 3 KATEGORI KIK DARI 6 KATEGORI YANG DIPERTANDINGKAN

airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/4120-tudm-juara-3-kategori-kik-dari-6-kategori-yang-dipertandingkan



KUALA LUMPUR, 13 Nov 18 – TUDM berjaya mendapat tempat pertama dalam tiga kategori dari enam kategori yang dipertandingkan dalam Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) – Horizon Baharu 2018 bertempat di Auditorium, Wisma Pertahanan hari ini.

Kumpulan Innovative Centred Engineering 2 (PUSPEKA TUDM) melalui projek ‘Reconfigurable Adapter for Weapon Separation Test Rig (RAW)’ telah berjaya mendapat tempat pertama Kategori Penambahbaikan KIK Primer – Inovasi Penyampaian Perkhidmatan.



Manakala bagi KIK Primer – Inovasi Sosial Kategori Penciptaan, Kumpulan Pegasus (14 Skn, PU Labuan) juga mendapat tempat pertama dengan projek mereka ‘Equipment Smart Patient in Flight Management (E-SPIM)’.



Projek Zenith Energy Current (ZEC) dari Kumpulan Eagle Shadow yang juga merupakan projek kerjasama dari Pusat Simulator Pejuang dan Kolej Vokasional Butterworth menjadi johan bagi KIK Hibrid – Inovasi Sosial bagi Kategori Penciptaan dan Penambahbaikan.



Sambutan Hari Inovasi Peringkat Kementerian Pertahanan Tahun 2018 merupakan program tahunan bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada warga kerja yang memperkasakan budaya inovasi dan kreatif. Ini sekaligus dapat menjana idea dari penciptaan produk yang boleh menyumbang dalam perkhidmatan serta pembangunan ekonomi negara melalui Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) – Horizon Baharu.

Majlis ini telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pertahanan, YB Senator Liew Chin Tong dan turut dihadiri Panglima Angkatan Tentera, YBhg Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Zulkifli bin Hj Zainal Abidin; Panglima Tentera Udara, YBhg Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM, Panglima-panglima Perkhidmatan serta warga Kementerian Pertahanan.